



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PENGANJURAN CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS KE-19 (CONSAL XIX)

Kementerian Perpaduan Negara dengan sukacitanya memaklumkan bahawa **Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada *Congress of Southeast Asian Librarians ke-19 (CONSAL XIX)*** yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada **16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.**

Penganjuran CONSAL XIX kali ini amat signifikan kerana ia berlangsung selari dengan **Kepengerusian ASEAN 2025** oleh Malaysia, serta mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh jaringan kerjasama serantau yang berpaksikan kepada nilai perpaduan, ilmu pengetahuan dan pembangunan masyarakat yang inklusif.

Dengan tema ***“Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity”***, persidangan ini akan menumpukan kepada peranan perpustakaan sebagai rakan strategik dalam pembangunan komuniti, pemangkin ekosistem ilmu untuk golongan terpinggir dan kurang upaya, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam usaha merapatkan jurang sosial.

CONSAL, yang ditubuhkan pada tahun 1970 hasil inisiatif bersama pustakawan Malaysia dan Singapura, merupakan platform penting yang menghimpunkan para pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh Asia Tenggara. Keahliannya merangkumi 10 negara ASEAN termasuk Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara dan institusi-institusi perpustakaan tempatan, komited untuk menjayakan CONSAL XIX sebagai wadah penting dalam mempromosi **perpustakaan sebagai pemacu transformasi sosial dan pemeraksanaan insan**, seiring dengan matlamat perpaduan nasional dan regional.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Jun 2025

KPN.100-9/1/16 (41)